

**KRITERIA UTAMA PENCEGAHAN JENAYAH  
MENURUT PERSPEKTIF GOLONGAN  
PROFESIONAL ALAM BINA DI MALAYSIA**

**MOHD ZUL FAHMI BIN ZAHARI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**

**KRITERIA UTAMA PENCEGAHAN JENAYAH  
MENURUT PERSPEKTIF GOLONGAN  
PROFESIONAL ALAM BINA DI MALAYSIA**

**oleh**

**MOHD ZUL FAHMI BIN ZAHARI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Sarjana Sains**

**Ogos 2019**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin kurnia-Nya dapat juga disiapkan penulisan ini. Semoga hasil penulisan ini dapat dimanfaatkan bersama-sama. Setinggi-tinggi penghargaan tidak terhingga dirakamkan buat penyelia saya, Dr. Radzi bin Ismail dan Profesor Madya Dr. Mohd Wira Bin Mohd Shafiei yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar, dorongan dan semangat tanpa rasa jemu dari bermulanya penulisan ini sehingga selesai sebagai sebuah tesis yang lengkap. Hanya Allah jua yang mampu membalas segala jasa baik beliau.

Seterusnya, jutaan terima kasih juga diucapkan buat isteri saya, Syafiqah binti Ismail dan kedua-dua anak saya Nuha Amanina dan ‘Ilmi Faqeehah yang memahami kesibukan saya dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada para pensyarah di Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan Universiti Sains Malaysia. Terima kasih atas segala keprihatinan, dorongan, bimbingan dan bantuan yang dihulurkan ketika dalam kesulitan menyiapkan kajian ini.

Penghargaan teristimewa buat ummi, ayah, mentua serta seluruh kaum keluarga, terima kasih diucapkan atas doa restu dan sokongan padu selama menyiapkan kajian ini. Tidak ketinggalan buat rakan-rakan seperjuangan atas kerjasama, bantuan dan kata-kata semangat yang diberikan dalam usaha merealisasikan kajian ini dengan jayanya.

Akhir sekali, ucapan penghargaan buat semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam merealisasikan kajian ini. Terima kasih atas segala kebaikan kalian.

Mohd Zul Fahmi Bin Zahari

Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan,

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>xivi</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>xvi</b>

### **BAB 1 - PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Ringkasan Metodologi Kajian	10
1.9 Organisasi Tesis	14

### **BAB 2 - KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	15
2.2 Definisi Operasi Kajian	15
2.2.1 Definisi Jenayah	15
2.2.2 Definisi Pencegahan Jenayah	18

2.2.3	Definisi Kesedaran Pencegahan Jenayah	19
2.2.4	Definisi Golongan Profesional Alam Bina	20
2.3	Keperluan Perumahan	22
2.4	Jenayah dan Keselamatan	27
2.5	Pencegahan Jenayah	28
2.5.1	Teori Pencegahan Jenayah	29
2.5.2	Pendekatan Pencegahan Jenayah	30
2.5.3	Kategori Pencegahan Jenayah	34
	2.5.3(a) Pencegahan Jenayah Secara Fizikal	34
	2.5.3(b) Pencegahan Jenayah Secara Bukan Fizikal	37
2.5.4	Pelaksanaan Pencegahan Jenayah di Malaysia	40
	2.5.4(a) <i>National Key Result Area</i> (NKRA)	41
	2.5.4(b) Penerapan Konsep Bandar Selamat	45
2.6	Kriteria Pencegahan Jenayah	50
2.6.1	Reka Bentuk Susun Atur	50
2.6.2	Reka Bentuk Bangunan	52
2.6.3	Tempat Letak Kenderaan	54
2.6.4	Akses dan Laluan Pejalan Kaki	55
2.6.5	Landskap dan Elemen Reka Bentuk Bandar	58
2.6.6	Pencahayaan	60
2.6.7	Peralatan Keselamatan	62
2.6.8	Pengurusan dan Penyelenggaraan	64
2.6.9	Komuniti	66
2.6.10	Sikap Penghuni	68
2.7	Kesedaran Pencegahan Jenayah.	70

2.8	Kerangka Konseptual Kajian	71
2.9	Hipotesis Kajian	73
2.10	Ringkasan Bab	74

### **BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	76
3.2	Reka Bentuk Kajian	76
3.3	Justifikasi Kajian Terhadap Perumahan Bertingkat	78
3.4	Persampelan Kajian	81
	3.4.1 Sampel Kajian	82
3.5	Instrumen Kajian	87
	3.5.1 Borang Soal Selidik	87
	3.5.2 Pengukuran dan Pengoperasian Pemboleh ubah	90
	3.5.3 Kajian Rintis	91
	3.5.4 Kesahihan dan Kebolehpercayaan	92
3.6	Pengumpulan Data	95
	3.6.1 Pemerhatian	95
	3.6.2 Dokumen	95
3.7	Penganalisan Data	96
3.8	Ringkasan Bab	100

### **BAB 4 - ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	101
4.2	Latar Belakang Responden	102
	4.2.1 Maklumat Responden Mengikut Jantina	102

4.2.2	Maklumat Responden Mengikut Kategori Umur	103
4.2.3	Maklumat Responden Mengikut Bangsa	104
4.2.4	Tempoh Penglibatan Dalam Industri Pembinaan	105
4.2.5	Projek Pembinaan Semasa	107
4.2.6	Projek yang Telah Dilaksanakan	109
4.2.7	Profesion Kerja Semasa	110
4.3	Analisis Deskriptif (Objektif 1)	112
4.4	Analisis Faktor (Objektif 2)	115
4.4.1	Analisis (ANOVA) Faktor Reka Bentuk Susun Atur Melalui Pengawasan Semula Jadi	117
4.4.2	Analisis (ANOVA) Faktor Reka Bentuk Bangunan Melalui Pengawasan Semula Jadi	119
4.4.3	Analisis (ANOVA) Faktor Tempat Letak Kenderaan Melalui Pengawasan Semula Jadi	120
4.4.4	Analisis (ANOVA) Faktor Akses dan Laluan Pejalan Kaki Melalui Pengawasan Semula Jadi	121
4.4.5	Analisis (ANOVA) Faktor Landskap dan Elemen Reka Bentuk Bandar Melalui Pengawasan Semula Jadi	123
4.4.6	Analisis (ANOVA) Faktor Pencahayaan Melalui Pengawasan Semula Jadi	124
4.4.7	Analisis (ANOVA) Faktor Peralatan Keselamatan Melalui Pengawasan Semula Jadi	126
4.4.8	Analisis (ANOVA) Faktor Pengurusan dan Penyelenggaraan Melalui Pengawasan Semula Jadi	128
4.4.9	Analisis (ANOVA) Faktor Komuniti Melalui Pengawasan Semula Jadi	129
4.4.10	Analisis (ANOVA) Faktor Sikap Penghuni Melalui Pengawasan Semula Jadi	130
4.5	Analisis Regresi Linear (Objektif 3)	134
4.5.1	Analisis Regresi Linear Hubungan Reka Bentuk Susun Atur	

	Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	136
4.5.2	Analisis Regresi Linear Hubungan Reka Bentuk Bangunan Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	138
4.5.3	Analisis Regresi Linear Hubungan Tempak Letak Kenderaan Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	140
4.5.4	Analisis Regresi Linear Hubungan Reka Akses dan Laluan Pejalan Kaki Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	141
4.5.5	Analisis Regresi Linear Hubungan Landskap dan Elemen Reka Bentuk Bandar Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	143
4.5.6	Analisis Regresi Linear Hubungan Pencahayaan Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	145
4.5.7	Analisis Regresi Linear Hubungan Peralatan Keselamatan Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	147
4.5.8	Analisis Regresi Linear Hubungan Pengurusan dan Penyelenggaraan Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	148
4.5.9	Analisis Regresi Linear Hubungan Komuniti Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	150
4.5.10	Analisis Regresi Linear Hubungan Sikap Penghuni Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	152
4.6	Ringkasan Bab	159
 <b>BAB 5 - PENUTUP</b>		
5.1	Pengenalan	160
5.2	Pencapaian Objektif Kajian	160



5.2.1	Objektif Pertama: Mengenal Pasti Kriteria Utama Pencegahan Jenayah Menurut Golongan Profesional Alam Bina di Malaysia	161
5.2.2	Objektif Kedua: Menilai Kriteria Utama Pencegahan Jenayah yang Dipraktikkan oleh Golongan Profesional Alam Bina dalam Pembangunan Perumahan di Malaysia	162
5.2.3	Objektif Ketiga: Mengkaji Hubungan antara Kriteria Pencegahan Jenayah dan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina di Malaysia	165
5.3	Sumbangan Kajian	167
5.3.1	Sumbangan Kajian dalam Bidang Akademik	167
5.3.2	Sumbangan Kajian dalam Aspek Praktikal	168
5.4	Limitasi Kajian	168
5.5	Cadangan Kajian	169
5.5.1	Cadangan Mengemaskini Kriteria Pencegahan Jenayah Dalam Kalangan Pemaju Perumahan di Malaysia	169
5.5.2	Cadangan Kajian Masa Hadapan	170
	<b>RUJUKAN</b>	<b>172</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Hubungan Persoalan Kajian dan Objektif Kajian	9
Jadual 2.1	Tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)	42
Jadual 2.2	Tiga Strategi dan 23 Langkah Program Bandar Selamat	48
Jadual 2.3	Aspek Reka Bentuk Bangunan	53
Jadual 2.4	Senarai Hipotesis Kajian	74
Jadual 3.1	Jenis Perumahan Bertingkat	80
Jadual 3.2	Populasi Kajian	84
Jadual 3.3	Responden Kajian dan Cadangan Sampel	85
Jadual 3.4	Jumlah Set Soal Selidik Dieder Mengikut Kawasan	86
Jadual 3.5	Ringkasan Soal Selidik	89
Jadual 3.6	Ringkasan Jumlah Soalan Soal Selidik	91
Jadual 3.7	Nilai Kebolehpercayaan Kajian	94
Jadual 3.8	Pemilihan Alat Statistik	100
Jadual 4.1	Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jantina	102
Jadual 4.2	Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Umur	104
Jadual 4.3	Bilangan dan Peratus Mengikut Bangsa	105
Jadual 4.4	Bilangan dan Peratus Mengikut Tempoh Penglibatan Dalam Industri Pembinaan	106
Jadual 4.5	Bilangan dan Peratus Mengikut Jumlah Projek Pembinaan Semasa	108
Jadual 4.6	Bilangan dan Peratus Mengikut Jumlah Projek yang Telah Dilaksanakan	109
Jadual 4.7	Bilangan dan Peratus Mengikut Jumlah Profesion Kerja Semasa	111
Jadual 4.8	Julat Skor Min Terhadap Keutamaan Kriteria Pencegahan Jenayah	112

Jadual 4.9	Skor Min Kriteria Pencegahan Jenayah dan Tahap Keutamaan	113
Jadual 4.10	Kedudukan Kriteria Pencegahan Berdasarkan Tahap Keutamaan	114
Jadual 4.11	Analisis (ANOVA) Faktor Reka Bentuk Susun Atur Melalui Pengawasan Semula Jadi	117
Jadual 4.12	Analisis (ANOVA) Faktor Reka Bentuk Bangunan Melalui Pengawasan Semula Jadi	119
Jadual 4.13	Analisis (ANOVA) Faktor Tempat Letak Kenderaan Melalui Pengawasan Semula Jadi	120
Jadual 4.14	Analisis (ANOVA) Faktor Akses dan Laluan Pejalan Kaki Melalui Pengawasan Semula Jadi	122
Jadual 4.15	Analisis (ANOVA) Faktor Landskap dan Elemen Reka Bentuk Bandar Melalui Pengawasan Semula Jadi	123
Jadual 4.16	Analisis (ANOVA) Faktor Pencahayaan Melalui Pengawasan Semula Jadi	124
Jadual 4.17	Analisis (ANOVA) Faktor Peralatan Keselamatan Melalui Pengawasan Semula Jadi	126
Jadual 4.18	Analisis (ANOVA) Faktor Pengurusan dan Penyelenggaraan Melalui Pengawasan Semula Jadi	128
Jadual 4.19	Analisis (ANOVA) Faktor Komuniti Melalui Pengawasan Semula Jadi	139
Jadual 4.20	Analisis (ANOVA) Faktor Sikap Penghuni Melalui Pengawasan Semula Jadi	130
Jadual 4.21	Ringkasan Analisis Kriteria Pencegahan Jenayah Melalui Pengawasan Semula Jadi	132
Jadual 4.22	Senarai Hipotesis Kajian	136
Jadual 4.23	Analisis Regresi Hubungan Reka Bentuk Susun Atur Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	137
Jadual 4.24	Analisis Regresi Hubungan Reka Bentuk Bangunan Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	138
Jadual 4.25	Analisis Regresi Hubungan Tempat Letak Kenderaan Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	140

Jadual 4.26	Analisis Regresi Hubungan Akses dan Laluan Pejalan Kaki Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	142
Jadual 4.27	Analisis Regresi Hubungan Landskap dan Elemen Reka Bentuk Bandar Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	143
Jadual 4.28	Analisis Regresi Hubungan Pencahayaan Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	145
Jadual 4.29	Analisis Regresi Hubungan Peralatan Keselamatan Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	147
Jadual 4.30	Analisis Regresi Hubungan Pengurusan dan Penyelenggaraan Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	149
Jadual 4.31	Analisis Regresi Hubungan Komuniti Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	150
Jadual 4.32	Analisis Regresi Hubungan Sikap Penghuni Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	152
Jadual 4.33	Ringkasan Keputusan Hipotesis Kajian	156
Jadual 4.34	Ringkasan Hasil Analisis Kajian	158

## SENARAI RAJAH

		<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Jumlah Penduduk di Malaysia pada Tahun 2013-2017	4
Rajah 1.2	Unjuran Penduduk Malaysia Pada Tahun 2010 Hingga Tahun 2040	5
Rajah 1.3	Kerangka Metodologi Kajian	13
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual	73
Rajah 3.1	Hubungan Antara Pembolehubah Tidak Bersandar Dan Pembolehubah Bersandar	78
Rajah 3.2	Populasi dan Lokasi Kajian	83
Rajah 4.1	Peratus Responden Mengikut Jantina	103
Rajah 4.2	Peratus Responden Mengikut Umur	104
Rajah 4.3	Peratus Mengikut Bangsa	105
Rajah 4.4	Peratus Mengikut Tempoh Penglibatan Dalam Industri Pembinaan	107
Rajah 4.5	Peratus Mengikut Jumlah Projek Pembinaan Semasa	108
Rajah 4.6	Peratus Mengikut Jumlah Projek yang Telah Dilaksanakan	110
Rajah 4.7	Peratus Mengikut Profesion Kerja Semasa	111
Rajah 4.8	Kerangka Analisis Faktor Kriteria Pencegahan Jenayah Melalui Pengawasan Semula Jadi	117
Rajah 4.9	Hasil Analisis Faktor Kriteria Pencegahan Jenayah Melalui Pengawasan Semula Jadi	133
Rajah 4.10	Kerangka Analisis Regresi Linear Antara Kriteria Pencegahan Jenayah Dengan Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina	135
Rajah 4.11	Kriteria Pencegahan Jenayah yang Mempengaruhi Kesedaran Pencegahan Jenayah Golongan Profesional Alam Bina di Malaysia	154

## SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
CAT	<i>Crime Awareness Team</i>
CCTV	<i>Closed- Circuit Television</i>
CPTED	<i>Crime Prevention Through Environmental Design</i>
DRN	Dasar Perumahan Negara
GTP	<i>Government Transformation Programme</i>
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKPPP	Jawatankuasa Perunding Perbadanan Perbandaran-Perbandaran Malaysia
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JPBD	Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
JPJKK	Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat
KRT	Kawasan Rukun Tetangga
LKPJM	Lembaga Kesedaran dan Pencegahan Jenayah Malaysia
NKRA	<i>National Key Result Area</i>
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PPIPKH	Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau
PSKDN	Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri

REHDA	Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia
RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RMK-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RMK-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
SRS	Skim Rondaan Sukarela
SRT	Skim Rukun Tetangga
UNDP	United Nations Development Programme
UN-Habitat	<i>United Nation Habitat</i>

**KRITERIA UTAMA PENCEGAHAN JENAYAH MENURUT  
PERSPEKTIF GOLONGAN PROFESIONAL ALAM BINA DI  
MALAYSIA**

**ABSTRAK**

Rumah merupakan keperluan asas penduduk, maka perumahan telah menjadi salah satu agenda utama setiap negara di dunia. Masalah jenayah telah lama wujud di kawasan perumahan, terutamanya perumahan yang berhampiran bandar. Jenayah yang berlaku telah menimbulkan rasa tidak selamat kepada penduduknya. Golongan profesional alam bina dilihat sebagai sebahagian daripada pihak yang bertanggungjawab dalam menyediakan rumah yang selamat dan selesa kepada masyarakat. Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji langkah pencegahan terhadap jenayah yang berlaku di kawasan perumahan di Malaysia. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini. Pertama, mengenal pasti kriteria utama pencegahan jenayah menurut golongan profesional alam bina. Kedua, menilai kriteria pencegahan jenayah melalui pengawasan semula jadi yang perlu dipraktikkan oleh golongan profesional alam bina. Ketiga, mengkaji hubungan antara kriteria pencegahan jenayah dengan tahap kesedaran jenayah golongan profesional alam bina. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan pengumpulan data dilakukan melalui pengedaran borang soal selidik. Kajian ini melibatkan seramai 191 orang responden yang terdiri daripada golongan profesional alam bina dari tujuh buah negeri di Semenanjung Malaysia, iaitu Pulau Pinang, Perlis/Kedah, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Selangor. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian “Statistical Package For Science Social” (SPSS). Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif, analisis faktor, dan analisis regresi linear. Hasil kajian mendapati



pencahayaannya adalah kriteria utama pencegahan jenayah golongan profesional alam bina. Terdapat lapan kriteria pencegahan jenayah melalui pengawasan semula jadi yang telah dikenal pasti dalam pembangunan perumahan iaitu, (1) reka bentuk susun atur; (2) tempat letak kenderaan; (3) landskap dan elemen reka bentuk bandar; (4) pencahayaannya; (5) peralatan keselamatan; (6) pengurusan dan penyelenggaraan; (7) komuniti; dan (8) sikap penghuni. Seterusnya, hanya dua daripada 10 kriteria pencegahan jenayah yang mempunyai hubungan signifikan dengan kesedaran pencegahan jenayah golongan profesional alam bina iaitu, (1) pencahayaannya dan (2) sikap penghuni.

**IDENTIFYING CRIME PREVENTION MAIN CRITERIA FROM THE  
PERSPECTIVE OF BUILT ENVIRONMENT PROFESSIONALS IN  
MALAYSIA**

**ABSTRACT**

As a basic need for the general population, housing provision has traditionally become the main agenda for the world nations, especially in suburban areas. The occurrence of crimes had caused the feeling of insecurity among the residents. Built environment professionals are partly responsible in providing safe and comfortable homes for the community. Generally, this study is carried out to investigate the prevention strategies towards crimes that occurred in Malaysia's residential area. There are three objectives for this study. The first objective is to identify the main criteria of crime prevention among built environment professionals. The second objective is to assess crime prevention criteria through natural surveillance that should be practiced in housing developments, and the third objective is to study the crime prevention awareness among built environment professionals in Malaysia. This study used quantitative method, and questionnaires is the tool of data collection. The respondents of this study is 191 respondents who are built environment professionals from seven states in Peninsular Malaysia, namely, Penang, Perlis/Kedah, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, and Selangor. The data were analysed by using Statistical Package For Social Science (SPSS) software. The analysis of this study were based on descriptive analysis, factor analysis, and linear regression analysis. The findings show that lighting is the main criteria of crime prevention among built environment professionals. In addition, eight criteria of crime prevention through

natural surveillance were identified to be practiced in housing development, which are; (1) designs and layouts, (2) parking area, (3) landscape and elements of urban design, (4) lighting, (5) safety tools, (6) management and maintenance, (7) community, and (8) resident attitudes. Only two out of 10 crime prevention criteria have a significant relationship with the crime prevention awareness of built environment professionals which are (1) lighting and (2) resident attitudes.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Sebagai bab pendahuluan, bab ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, ringkasan metodologi dan organisasi tesis.

#### **1.2 LATAR BELAKANG**

Keperluan keselamatan adalah amat penting dalam kehidupan. Berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1970), keperluan asas manusia terbahagi kepada lima keperluan mengikut kedudukan dari bawah iaitu keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghargaan sendiri dan kedudukan teratas iaitu kesempurnaan sendiri. Justeru itu, usaha membanteras jenayah mesti dilaksanakan dengan terancang dan segera agar kehidupan seharian masyarakat setempat lebih terjamin dan tidak terjejas menjadi lebih parah (Bakar, 2002).

Pencegahan jenayah juga berkait rapat dengan keselamatan awam yang merupakan salah satu daripada Indeks Kualiti Hidup Malaysia. Dalam erti kata lain, kadar jenayah yang tinggi boleh menjejaskan kualiti hidup masyarakat. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengurangkan kadar jenayah di Malaysia. Langkah tersebut, secara umumnya dibahagikan kepada tiga, iaitu penggubalan undang-undang, penubuhan institusi dan pembentukan konsep, dasar dan polisi (Musa, 2016).

Dari segi penggubalan undang-undang, pelbagai undang-undang jenayah seperti Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah telah dipinda di parlimen untuk menambah baik sistem keadilan jenayah di Malaysia. Walaupun demikian, terdapat beberapa institusi telah ditubuhkan di Malaysia bertujuan untuk mencegah jenayah. Antaranya ialah Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia merupakan badan bukan kerajaan (NGO) yang telah ditwujudkan pada tahun 1993. Objektif penubuhan yayasan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan penyertaan awam dalam usaha mencegah jenayah sejajar dengan kerjasama yang terjalin antara kerajaan dan pihak swasta untuk mencegah jenayah secara berkesan dan memulihkan pesalah melalui tinjauan, penyelidikan dan program lain.

Langkah pencegahan di peringkat nasional dapat dilihat melalui usaha Kerajaan Malaysia memperkenalkan *Government Transformation Programme* (GTP) pada tahun 2010. GTP memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk mencari dan mewujudkan jalan penyelesaian yang berkesan bagi masalah sebenar yang berlaku. GTP ditubuhkan atas keprihatinan kerajaan terhadap rakyat berdasarkan beberapa isu utama yang telah berlaku di negara ini (Jabatan Perdana Menteri (JPM), 2011). Menerusi GTP, beberapa strategi telah ditetapkan untuk mengurangkan jenayah yang merupakan salah satu cabang daripada enam *National Key Result Area* (NKRA). Hal ini menggambarkan kesungguhan di pihak kerajaan dalam usaha membanteras jenayah di Malaysia.

Dalam pada itu, pasukan polis khas juga telah ditubuhkan oleh pihak kerajaan dalam membanteras jenayah berat seperti pembunuhan. Hal ini sememangnya diambil berat oleh kerajaan. Oleh itu, peningkatan penglibatan pihak yang bertanggungjawab penting dalam membanteras jenayah sekaligus mengubah persepsi rakyat terhadap tahap keselamatan (JPBD, 2000).

Bagi memenuhi hasrat masyarakat di bandar yang ingin hidup dalam keadaan bebas dan tenteram daripada sebarang ancaman dan ketakutan terhadap jenayah, pihak kerajaan telah bertindak secara proaktif dengan melaksanakan beberapa dasar atau pendekatan bagi membendung kegiatan jenayah bermula dari peringkat awal lagi. Lantaran itu, amat wajar sekali langkah pencegahan dijalankan di peringkat nasional dan juga di peringkat tempatan.

Ringkasnya, keselamatan merupakan satu keperluan dalam kehidupan masyarakat pada hari ini. Bagi memelihara tahap keselamatan masyarakat kini, pelbagai usaha dan langkah pencegahan jenayah perlu dilaksanakan. Lebih-lebih lagi, jumlah penduduk di Malaysia didapati akan mengalami peningkatan yang berterusan dari semasa ke semasa. Peningkatan jumlah penduduk akan mempengaruhi tekanan terhadap keperluan kehidupan masyarakat. Tekanan terhadap keperluan hidup boleh menyumbang kepada perlakuan jenayah terutamanya jenayah harta benda.


### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Penduduk secara umumnya bermaksud orang atau individu yang tinggal atau mendiami suatu daerah tertentu dalam jangka masa yang lama. Sebagaimana yang telah dianggarkan oleh *United Nations*, jumlah penduduk dunia akan mencapai sehingga 9.2 bilion orang pada tahun 2050 (Smith & Todaro, 2009).

Pada masa yang sama, setiap penduduk yang lahir mempunyai keperluan asas hidup yang perlu dipenuhi seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Malahan, setiap orang juga mempunyai hak untuk memenuhi kehidupan berdasarkan nilai dan aspirasi seseorang individu (UNDP, 2013). Walau bagaimanapun, penduduk dunia turut dibelenggu oleh kesan daripada pertumbuhan penduduk yang berlaku seperti

impak terhadap guna tanah, masalah kemiskinan serta ketidakadilan ekonomi (Sernau, 2009).


Sementara itu, Malaysia juga memperlihatkan peningkatan jumlah penduduk dari tahun ke tahun. Rajah 1.1 menunjukkan jumlah penduduk di Malaysia dari tahun 2013 hingga tahun 2017. Berdasarkan rajah tersebut, terdapat pertambahan jumlah penduduk pada setiap tahun. Terdapat seramai 29.9 juta orang penduduk di Malaysia dicatatkan pada tahun 2013. Jumlah tersebut telah bertambah sebanyak 0.8 juta orang menjadikan jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2014 seramai 30.7 juta orang. Tahun 2015 pula mencatatkan jumlah penduduk adalah seramai 31.2 juta orang, tahun 2016 adalah seramai 31.7 juta orang dan seterusnya 32 juta orang pada tahun 2017.



*Sumber: Diolah daripada data Jabatan Perangkaan Malaysia (2017)*

Berdasarkan Rajah 1.2, jumlah penduduk di Malaysia juga dijangka akan terus bertambah bermula pada tahun 2010 sebanyak 28.6 juta orang sehingga mencapai

jumlah 41.5 juta orang pada tahun 2040. Hal ini bermaksud, jumlah penduduk Malaysia akan meningkat sebanyak 12.9 juta orang dalam tempoh 30 tahun (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Walaupun peningkatan tersebut dilihat agak perlahan, namun jumlah penduduk dianggarkan akan terus juga meningkat. Perkara ini selari dengan pandangan Smith dan Todaro (2009), yang menyatakan bahawa pertumbuhan penduduk ini merupakan satu proses yang berterusan dan akan terus berlanjutan seiring dengan masa.



**Rajah 1.2: Unjuran Penduduk Malaysia Pada Tahun 2010 Hingga Tahun 2040**

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2016)*

Pertumbuhan penduduk yang berlaku dari semasa ke semasa khususnya di kawasan-kawasan yang pesat membangun sedikit sebanyak telah mempengaruhi industri perumahan di Malaysia. Sebanyak 65% daripada penduduk di Malaysia dijangka akan tinggal di kawasan bandar menjelang tahun 2020. Kesan pertambahan jumlah penduduk tersebut juga dilihat mempengaruhi peningkatan keperluan terhadap unit perumahan (Yunus, 2005). Sependapat dengan itu, Besar et al. (2014) turut



menyatakan bahawa seiring dengan peningkatan jumlah penduduk di bandar, keperluan terhadap kemudahan asas seperti bekalan air, tenaga, kemudahan pengangkutan dan kesihatan termasuk juga tempat tinggal atau rumah akan turut meningkat.

Kawasan perumahan di bandar sering menjadi sasaran penjenayah. Hal ini secara langsung menimbulkan rasa tidak selamat dan risau dalam kalangan penduduk terhadap tahap keselamatan awam. Perkara seumpama ini telah mempengaruhi kualiti kehidupan masyarakat dari aspek kehidupan fizikal dan juga emosi mereka (Mustaffa, 2007). Di samping itu, ketakutan penduduk terhadap jenayah kini telah menjadi isu dalam kalangan masyarakat yang tinggal di bandar. Oleh itu, langkah pencegahan jenayah telah diterapkan dalam konsep-konsep pembangunan perumahan. Misalnya, konsep pembangunan Perumahan Komuniti Berpagar (PKB) dianggap antara konsep yang terbaik dalam pembangunan perumahan. Langkah- langkah pencegahan jenayah yang diterapkan akan mempengaruhi dan memberi impak terhadap sesebuah pembangunan yang dijalankan. Lantaran itu, pembangunan perumahan yang menyediakan persekitaran yang selamat daripada ancaman jenayah juga mengalami peningkatan (Othman, 2007).

Oleh hal yang demikian, perlu ada kajian yang dilakukan pada peringkat golongan profesional alam bina bagi mengetahui dengan lebih jelas berkaitan langkah pencegahan jenayah yang utama yang boleh diterapkan dalam pembangunan perumahan di Malaysia sekaligus dapat meningkatkan tahap keselamatan di kawasan perumahan. Hal ini disebabkan golongan tersebut adalah pihak yang terlibat secara langsung dengan keseluruhan proses pembangunan perumahan. Oleh sebab itu, fokus kajian adalah kepada kesedaran golongan profesional alam bina terhadap kriteria

pencegahan jenayah yang perlu dipraktikkan dalam pembangunan perumahan di Malaysia.

Ekoran daripada itu, timbul persoalan berkaitan kriteria utama pencegahan jenayah di kawasan perumahan serta kriteria yang sesuai dan perlu dipraktikkan oleh golongan profesional alam bina di Malaysia dalam usaha meningkatkan dan memelihara tahap keselamatan masyarakat terutama di kawasan perumahan. Selain itu, kajian ini juga ingin mengetahui hubungan antara kriteria pencegahan jenayah dan kesedaran pencegahan jenayah golongan profesional alam bina di Malaysia.

Sehubungan itu, perlunya kajian ini dilakukan agar permasalahan dan persoalan berkaitan pencegahan jenayah pada peringkat golongan profesional alam bina ini dapat dirungkaikan. Diharap kajian ini dapat menemukan kriteria pencegahan jenayah yang praktikal untuk diterapkan dalam pembangunan perumahan sebagai usaha mencegah jenayah yang kerap berlaku di kawasan perumahan di Malaysia.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian dikemukakan untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Persoalan tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. Apakah kriteria utama pencegahan jenayah menurut golongan profesional alam bina di Malaysia?
- ii. Apakah kriteria utama pencegahan jenayah yang perlu dipraktikkan oleh golongan profesional alam bina dalam pembangunan perumahan di Malaysia?

- iii. Apakah kriteria pencegahan jenayah yang mempengaruhi kesedaran pencegahan jenayah golongan profesional alam bina di Malaysia?

## **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan permasalahan kajian, secara amnya, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji aspek pencegahan jenayah menurut perspektif golongan profesional alam bina perumahan di Malaysia. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti kriteria utama pencegahan jenayah menurut golongan profesional alam bina di Malaysia.
- ii. Menilai kriteria utama pencegahan jenayah yang perlu dipraktikkan oleh golongan profesional alam bina dalam pembangunan perumahan di Malaysia.
- iii. Mengkaji hubungan antara kriteria pencegahan jenayah dan kesedaran pencegahan jenayah menurut golongan profesional alam bina di Malaysia.

Jadual 1.1 menunjukkan hubungan antara persoalan kajian dan objektif kajian.

**Jadual 1.1: Hubungan Persoalan Kajian dan Objektif Kajian**

<b>Persoalan Kajian</b>	<b>Objektif</b>
1) Apakah kriteria utama pencegahan jenayah menurut golongan profesional alam bina di Malaysia?	i. Mengenal pasti kriteria utama pencegahan jenayah menurut golongan profesional alam bina di Malaysia.
2) Apakah kriteria utama pencegahan jenayah yang dipraktikkan oleh golongan profesional alam bina dalam pembangunan perumahan di Malaysia?	ii. Menilai kriteria utama pencegahan jenayah yang dipraktikkan oleh golongan profesional alam bina dalam pembangunan perumahan di Malaysia.
3) Apakah kriteria pencegahan jenayah yang mempengaruhi kesedaran pencegahan jenayah golongan profesional alam bina di Malaysia?	iii. Mengkaji hubungan antara kriteria pencegahan jenayah dan kesedaran pencegahan jenayah golongan profesional alam bina di Malaysia.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Skop kajian ini difokuskan kepada kriteria pencegahan jenayah yang perlu dipraktikkan dalam pembangunan perumahan, serta hubungan antara kriteria pencegahan jenayah dengan kesedaran pencegahan jenayah golongan profesional alam bina di Malaysia. Kajian ini turut menumpukan pada aspek pengawasan semula jadi dalam pencegahan jenayah yang perlu dipraktikkan oleh oleh golongan profesional alam bina perumahan.

Sehubungan itu, kajian ini juga hanya meneliti jenayah harta benda (ragut, seluk saku, pecah rumah pada siang hari, pecah rumah pada malam hari, mencuri kenderaan dan lain-lain jenis kecurian yang berbentuk harta benda) yang berlaku di kawasan perumahan sahaja. Kajian ini lebih memfokuskan kepada kawasan

perumahan jenis pembangunan bertingkat tinggi (*high-rise building*) iaitu pangsapuri.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini penting dan perlu dilakukan berdasarkan beberapa justifikasi yang berikut:

- i. Kajian ini penting untuk mengetahui kriteria pencegahan jenayah yang praktikal dalam menangani masalah jenayah yang kerap berlaku di kawasan perumahan serta mencadangkan pelaksanaannya kepada masyarakat dan pihak yang terlibat dalam bidang alam bina.
- ii. Kajian ini penting untuk menjana kaedah dan pendekatan yang sesuai dalam menangani masalah jenayah terutamanya jenayah yang berlaku di kawasan perumahan di Malaysia.
- iii. Kajian ini juga penting bagi membantu golongan yang terlibat dalam alam bina untuk lebih memahami kepentingan mempunyai kesedaran pencegahan jenayah terutama dalam pembangunan perumahan.

## **1.8 RINGKASAN METODOLOGI KAJIAN**

Dalam bahagian ini, ringkasan metodologi kajian dibahagikan kepada lima peringkat iaitu kajian awalan, kajian literatur, pengumpulan data, penganalisan data serta cadangan dan kesimpulan. Kerangka metodologi turut disertakan di akhir bahagian ini.

i) Kajian Awalan

Pada peringkat ini, kajian akan dimulakan dengan mengenal pasti isu dan masalah semasa yang berkaitan dengan jenayah di kawasan perumahan. Dalam bahagian ini, pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian akan dikemukakan. Ringkasnya, kajian awalan ini dibina bagi menghasilkan satu struktur penulisan serta garis panduan bagi keseluruhan kajian yang dijalankan.

ii) Kajian Literatur

Kajian literatur bertujuan untuk memahami konsep dan keadaan semasa berkaitan kriteria pencegahan jenayah dan kesedaran pencegahan jenayah melalui peranan golongan profesional alam bina dalam usaha mencegah jenayah di kawasan perumahan. Perkara tersebut boleh didapati melalui pelbagai sumber seperti jurnal, artikel, buku dan juga kertas kerja bagi meneliti konsep asas dan teori yang terdapat dalam kajian-kajian terdahulu.

ii) Pengumpulan Data


Di bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan maklumat berkaitan kawasan kajian. Bagi mendapatkan maklum balas daripada golongan profesional alam bina di kawasan kajian berhubung dengan kesedaran pencegahan jenayah dan kriteria pencegahan jenayah, kaedah borang soal selidik akan digunakan. Selain itu, pengumpulan data juga boleh didapati daripada bahan rujukan bertulis seperti buku-buku, jurnal dan keratan akhbar yang berkaitan. Selain itu, maklumat juga boleh didapati menerusi laman sesawang pertubuhan yang berkaitan seperti laman sesawang Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa serta Polis DiRaja Malaysia turut dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

iv) Penganalisan Data

Peringkat ini melibatkan proses menganalisis data-data yang telah diperolehi. Analisis dilakukan selari dengan objektif kajian. Aspek yang ditumpukan adalah hubungan antara kriteria pencegahan jenayah dan kesedaran pencegahan jenayah golongan profesional alam bina di Malaysia. Peringkat ini sangat penting dalam menentukan hasil keputusan mengikut objektif yang telah ditetapkan pada peringkat awal kajian lagi.

v) Cadangan dan Kesimpulan

Peringkat ini merupakan peringkat terakhir dalam sesebuah kajian yang merangkumi cadangan serta kesimpulan hasil daripada pengolahan data serta penemuan yang diperolehi. Semua cadangan yang dikemukakan lebih terarah kepada usaha menambah baik langkah-langkah pencegahan jenayah di kawasan perumahan menurut perspektif golongan profesional alam bina berdasarkan kriteria pencegahan jenayah yang sesuai.



**Rajah 1.3: Kerangka Metodologi**



## **1.9 ORGANISASI TESIS**

Secara keseluruhannya, kajian ini mengandungi lima bab utama. Bab pertama ialah bab pendahuluan. Di dalam bab ini, perkara yang dihuraikan ialah pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian, skop dan batasan kajian serta kepentingan sumbangan penyelidikan dan kajian. Bab ini juga mengandungi organisasi seluruh kajian untuk melengkapkan kajian penyelidikan secara sistematik.

Bab kedua membincangkan kajian terdahulu dan kajian-kajian lain berdasarkan topik penyelidikan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jurang yang terdapat dalam penyelidikan jenayah dan seterusnya pembentukan kerangka konseptual.

Perbincangan diteruskan dalam bab ketiga berkaitan kaedah kajian yang diguna pakai untuk menjalankan kajian ini. Hal ini termasuk reka bentuk kajian, pengumpulan data dan kaedah analisis kajian.

Berdasarkan data yang diperolehi melalui kaedah kajian dalam tiga bab sebelum ini, bab keempat akan membincangkan mengenai analisis data. Bab keempat menerangkan tentang penemuan kajian dengan mengenal pasti langkah-langkah pencegahan jenayah menurut perspektif golongan profesional alam bina di Malaysia.

Akhir sekali, bab lima merupakan bab penutup yang akan membentangkan tentang kesimpulan kajian, cadangan kepada kajian akan datang dan ringkasan kajian secara menyeluruh.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN**

Kajian ini ditumpukan kepada isu-isu pencegahan jenayah yang seringkali berlaku dan menjadi salah satu aspek yang penting di dalam mana-mana projek pembangunan. Isu pencegahan jenayah amat penting kerana ianya dapat mengelakkan daripada berlakunya bencana seperti kebakaran dan serangan seperti serangan jenayah yang boleh membahayakan harta benda, penduduk dan kejiwaan. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kajian ini akan membincangkan isu-isu pencegahan jenayah dan mengenal pasti kriteria pencegahan jenayah serta kesedaran pencegahan jenayah golongan profesional alam bina di Malaysia.

#### **2.2 Definisi Operasi Kajian**

Definisi operasi kajian merujuk kepada pendefinisian terhadap kata kunci sesebuah disertasi atau tesis. Terdapat empat kata kunci dalam tesis ini iaitu jenayah, pencegahan jenayah, kesedaran pencegahan jenayah dan golongan profesional alam bina.

##### **2.2.1 Definisi Jenayah**

Jenayah boleh didefinisikan sebagai satu perbuatan yang melanggar undang-undang kerajaan sesebuah negara dan pelaku jenayah disebut sebagai penjenayah. Jenayah

dibahagikan kepada 2 kategori iaitu jenayah indeks dan jenayah bukan indeks. Pengukuran jenayah sesebuah negara dianalisis berdasarkan peningkatan atau penurunan indikator jenayah indeks yang berlaku. Terdapat dua kategori dalam jenayah indeks iaitu jenayah kekerasan (bunuh, cuba bunuh, rogol, sumbang mahram, samun bersenjata/tanpa bersenjata, samun bersenjata api / tanpa senjata api, samun berkawan bersenjata/ tanpa senjata, cedera parah) dan jenayah harta benda (pecah rumah dan curi siang/ malam hari, curi motosikal, curi kenderaan, ragut, lain- lain kecurian) (PSKDN 2015-2020).

Mengikut Leh (2017), jenayah adalah satu bentuk kebimbangan utama yang wujud dalam diri masyarakat dan masih tiada cara yang benar-benar berkesan untuk menangani jenayah secara keseluruhan. Meskipun demikian, terdapat dua cara untuk mengukur jenayah iaitu:

(1) Statistik rasmi jenayah:

- Statistik berdasarkan jumlah rekod kesalahan dan pesalah yang diproses oleh polis, mahkamah dan agensi penjara.

(2) Statistik tidak rasmi jenayah:

- Statistik yang dikeluarkan oleh pihak di luar sistem keadilan jenayah.

Terdapat tiga elemen yang dapat dikaitkan dengan perlakuan jenayah iaitu keinginan, kemampuan dan peluang atau juga dikenali sebagai '*crime triangle*' (Saravanan, 2010). Selain itu, jenayah juga terbahagi kepada dua kategori iaitu:

#### i. Jenayah Kekerasan

Jenayah kekerasan adalah perlakuan yang memberi ancaman dan menyebabkan kecederaan ke atas diri seseorang. Perbuatan jenayah kekerasan adalah seperti membunuh, cubaan membunuh, samun berkumpulan bersenjata, samun berkumpulan tidak bersenjata, samun bersenjata, samun tanpa senjata, rogol dan mencederakan orang.

#### ii. Jenayah Harta Benda

Jenayah ini hanya melibatkan ancaman ke atas harta benda sahaja seperti ragut, seluk saku, pecah rumah pada siang hari, pecah rumah pada malam hari, mencuri kenderaan dan lain-lain jenis kecurian yang berbentuk harta benda.

Dalam erti kata lain, jenayah kekerasan merupakan jenayah dilakukan terhadap orang lain. Manakala, jenayah harta pula tidak mempunyai ancaman secara langsung atau mencederakan orang lain (Leh, 2017).

Ringkasnya, jenayah merupakan perbuatan yang menyalahi undang-undang sesebuah negara yang merangkumi jenayah indeks dan jenayah bukan indeks. Di samping itu, keinginan, kemampuan dan peluang merupakan antara elemen yang dapat mempengaruhi perlakuan jenayah. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melibatkan jenayah harta benda sahaja. Oleh itu, maksud jenayah yang digunakan dalam kajian ini adalah menjurus kepada jenayah yang melibatkan harta benda sahaja.

### 2.2.2 Definisi Pencegahan Jenayah

Pencegahan jenayah merupakan salah satu strategi penting yang membentuk pencegahan secara menyeluruh terhadap harta yang dikawal (Anuar & Khalifah, 2009). Menurut Crowe (2000) maksud pencegahan jenayah reka bentuk persekitaran dapat diterjemahkan melalui strategi yang sistematik dan berkesan dalam mewujudkan persekitaran yang berkualiti. Persekitaran yang berkualiti ialah persekitaran yang dapat mengurangkan rasa takut akan berlakunya jenayah, seterusnya mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Mengikut Saravanan (2010), dalam konteks pencegahan jenayah, terdapat beberapa kriteria yang boleh diaplikasikan iaitu:

- a. *Preventive* - fokus terhadap pencegahan.
- b. *Proactive* - melakukan langkah awal dalam usaha menangani jenayah.
- c. *Pre-emptive* – jenayah dihalang menerusi penahanan orang yang disyaki dan mencurigakan, menghalang peningkatan jenayah menerusi aktiviti-aktiviti yang melibatkan orang awam dan agensi berkaitan serta berkeupayaan untuk menanganikan kes-kes jenayah.

Menerusi tiga kriteria pencegahan jenayah yang telah dinyatakan iaitu *preventive*, *proactive* dan *pre-emptive*, proses mencegah jenayah boleh dilakukan dengan lebih teliti dan teratur. Dalam konteks pencegahan jenayah di kawasan perumahan, ketiga-tiga kriteria ini boleh diterapkan oleh golongan profesional alam bina sebagai usaha untuk mewujudkan suasana yang selamat dan tenteram bagi penghuni kawasan perumahan sekaligus mengawal tahap '*fear of crime*' dalam masyarakat.

Menurut Hussin (2014) pula, pencegahan jenayah ialah satu mekanisme yang komprehensif juga sebagai momentum untuk menghalang dan membendung daripada berlakunya sesuatu kejadian jenayah. Program-program pencegahan jenayah yang dilakukan oleh pihak Polis seperti “*Community-Oriented Policing*” (C-OP) misalnya, dapat mendidik serta memberi kesedaran kepada masyarakat tentang peranan yang boleh mereka lakukan dalam usaha menghalang jenayah daripada berlaku. C-OP merupakan antara mekanisme pencegahan jenayah yang telah dilaksanakan di Malaysia.

Dapat disimpulkan bahawa, pencegahan jenayah merupakan strategi atau langkah untuk mencegah jenayah. Antara perkara yang terangkum dalam konteks pencegahan jenayah ialah *preventive* yang memberi penekanan kepada pencegahan, *proactive* iaitu mengambil tindakan awal untuk membendung jenayah dan *pre-emptive* iaitu menghalang jenayah melalui tindakan undang-undang seperti penahanan orang yang mencurigakan. Tegasnya, pencegahan jenayah ialah satu cara yang komprehensif dilakukan untuk menghalang dan membendung daripada berlakunya sesuatu kejadian jenayah.

### **2.2.3 Definisi Kesedaran Pencegahan Jenayah**

Istilah kesedaran berasal daripada perkataan sedar. Mengikut Ibrahim dan Ali (2013), sedar membawa maksud gerak hati tanpa berfikir, keinsafan, tahu, faham dan maklum tentang sesuatu perkara. Merujuk kepada Balwi et al. (2004), tahap pengetahuan seseorang tentang sesuatu perkara itu merupakan kesedaran. Selain itu, tahap kesedaran pula dikaitkan dengan kepekaan terhadap sesuatu yang berlaku atau minat terhadap sesuatu. Berdasarkan Saleh (2013) pula, kesedaran merujuk kepada

keadaan seseorang yang sensitif dan peka terhadap segala perkara yang berlaku di sekelilingnya.

Berdasarkan kepada pendapat Ibrahim dan Ali (2013), Balwi et al. (2004) dan Saleh (2013), dapat dirumuskan bahawa kesedaran ialah perkara berkaitan keadaan dalam diri seseorang yang melibatkan aspek pengetahuan, kefahaman dan kepekaan terhadap sesuatu perkara atau kejadian yang berlaku disekelilingnya. Tahap pengetahuan dan kefahaman akan mempengaruhi tahap kepekaan seseorang individu. Misalnya, seseorang yang tahu tentang faktor-faktor berlakunya jenayah akan memahami tentang perkara atau situasi yang boleh mengundang jenayah itu berlaku. Hal tersebut seterusnya menjadikan individu itu lebih peka terhadap jenayah dan sentiasa berjaga-jaga atau lebih berhati-hati dalam kehidupan sehariannya.

Ringkasnya, kesedaran merangkumi tiga aspek iaitu pengetahuan, kefahaman dan kepekaan dalam diri seseorang terhadap sesuatu perkara yang berlaku disekelilingnya. Ketiga-tiga aspek tersebut saling berkait dan mempengaruhi antara satu sama lain. Apabila tahap pengetahuan bertambah, tahap kefahaman akan meningkat dan tahap kepekaan juga turut meningkat. Jadi, mengikut konteks kajian ini, kesedaran pencegahan jenayah merujuk kepada kesedaran golongan profesional alam bina untuk melaksanakan atau menerapkan aspek pencegahan jenayah dalam pembangunan perumahan di Malaysia.

#### **2.2.4 Definisi Golongan Profesional Alam Bina**

Berdasarkan Al-Qudsy et al. (2008), profesional merujuk kepada profesion individu sebagai suatu pekerjaan yang tetap serta menjadi pendapatan utamanya. Profesional pula amat berkait rapat dengan profesionalisme. Profesionalisme merupakan sifat-

sifat kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu perkara yang dilakukan oleh individu yang profesional. Menurut Parr (2004) pula, profesionalisme merujuk kepada tahap kecekapan, akauntabiliti dan tanggungjawab seharusnya ada pada individu yang profesional. Selain itu, profesionalisme juga bermaksud individu yang profesional tersebut memiliki kompetensi yang tinggi, berpengetahuan tentang keperluan tugas yang dilaksanakan.

Alam bina pula merujuk kepada bidang pembinaan. Industri binaan merupakan antara penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara. Kepentingan industri binaan ini jelas dapat dilihat menerusi penglibatan pembinaan yang meliputi pelbagai industri dan bidang lain. Menurut Buntat et al. (2006), aktiviti-aktiviti industri binaan melibatkan pelbagai sektor seperti kediaman, industrial, komersial, prasarana dan lain-lain. Di samping itu, aktiviti dalam industri pembinaan bukan sahaja tertumpu kepada fasa pembinaan malah turut melibatkan fasa-fasa pra pembinaan dan pasca pembinaan.

Selain itu, terdapat tiga kumpulan utama tenaga kerja dalam industri binaan iaitu pekerja am, pekerja separuh mahir dan pekerja mahir. Berdasarkan JPM (1999), tenaga kerja binaan didefinisikan sebagai individu yang mempunyai daya usaha sendiri dan bergaji. Hal ini termasuklah kumpulan pengurusan dan profesional, teknikal dan penyeliaan, pekerja-pekerja di tapak binaan sama ada buruh langsung mahupun buruh tidak langsung. Menurut Buntat et al. (2006), kumpulan profesional terdiri daripada individu-individu yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang diperlukan dalam bidang pekerjaan yang diceburi dan kebiasaannya mereka mempunyai kelulusan ijazah atau diploma dari universiti-universiti.



Ringkasnya, definisi golongan profesional alam bina perumahan bagi kajian ini ialah kelompok individu yang mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam sektor pembinaan. Di samping itu, golongan ini juga mempunyai kecekapan, akauntabiliti, bertanggungjawab, memiliki kompetensi yang tinggi serta berpengetahuan tentang keperluan tugas yang dilakukan khususnya sektor pembinaan dan pembangunan perumahan.

### **2.3 KEPERLUAN PERUMAHAN**

Berdasarkan Rusli (2006), tempat tinggal merupakan antara keperluan asas hidup manusia. Tempat tinggal kebiasaannya merujuk kepada rumah. Oleh kerana tempat tinggal adalah antara keperluan asas bagi manusia, maka sudah tentu setiap individu perlukan rumah sebagai tempat untuk didiami. Menurut Busno (2004), manusia tidak dapat untuk hidup menyendiri. Oleh itu, unit-unit rumah kediaman manusia tidak sepatutnya terdiri secara berasingan atau bersendirian sahaja. Hal ini bermaksud, unit rumah kediaman seharusnya dibina secara berkelompok.

Sehubungan itu, Yahaya (1998) menyatakan unit rumah yang dibangunkan secara berkelompok dipanggil sebagai perumahan. Kawasan perumahan juga merupakan satu unit ruang kejiranan. Sebagai tempat kediaman, pelbagai aktiviti harian dilakukan juga dilakukan oleh penghuni melibatkan pergerakan seperti bekerja, sekolah, membeli-belah, beriadah, beribadat, dan sebagainya.

Perumahan juga berperanan penting dalam meningkatkan kualiti hidup yang baik serta mencapai keharmonian dalam kehidupan seharian. Ekoran daripada itu, Air (2005) menyatakan perlu ada interaksi dan jalinan sosial antara masyarakat dan

bersifat saling memerlukan antara satu sama lain. Oleh sebab yang demikian, menjadi keperluan juga untuk unit rumah dibina secara berkelompok.

Selain itu, Yahaya dan Hashim (2001) pula mendefinisikan perumahan sebagai tempat yang dapat memenuhi keperluan seseorang sebagai tempat untuk melakukan tugas harian, ruang peribadi, jaringan sosial dan tempat untuk membina kasih sayang dalam kehidupan kekeluargaan. Lantaran itu, perumahan yang selesa perlu disediakan oleh golongan profesional alam bina perumahan supaya dapat meningkatkan taraf kehidupan merangkumi aspek kesihatan, keselamatan dan keselesaan penduduk (Robin, 2017).

Kawasan perumahan merupakan sebuah kawasan yang terdiri daripada beberapa unit rumah di samping terdapat kemudahan lain yang disediakan untuk kegunaan penduduknya. Di Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) (2007) telah menggariskan empat aspek utama berkenaan piawaian dalam memenuhi keperluan konsep perumahan yang sebenar iaitu:

- i. Menjamin keselamatan individu dan harta benda
- ii. Kemudahan prasarana
- iii. Kesihatan fizikal dan mental
- iv. Kesihatan masyarakat

Di samping itu, Dasar Perumahan Negara (DRN) telah menetapkan matlamat untuk pastikan setiap penduduk Malaysia yang ada keinginan untuk mempunyai rumah sendiri mendapat peluang berbuat demikian terutamanya golongan berpendapatan rendah (KPKT, 2007). Hal yang demikian, rumah penting bagi menggapai taraf

hidup yang lebih baik serta menjadi keperluan utama sosial dalam memenuhi matlamat sosial negara.

Penyediaan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu milik serta dapat meningkatkan kemampanan hidup rakyat merupakan matlamat DRN. Terdapat tiga objektif DRN iaitu:

1. Menyediakan perumahan yang mencukupi dan berkualiti dengan kemudahan yang lengkap dan persekitaran yang kondusif;
2. Meningkatkan keupayaan dan aksesibiliti rakyat bagi memiliki atau menyewa rumah; dan
3. Menetapkan hala tuju kemampanan sektor perumahan.

Berdasarkan tiga objektif tersebut, jelas bahawa sektor perumahan amat penting untuk diberi perhatian kerana ia dapat mempengaruhi kemampanan hidup masyarakat. Kualiti kehidupan individu yang bermula di rumah akan turut mempengaruhi kualiti aspek-aspek kehidupan yang lain seperti pekerjaan, perkembangan minda, hubungan antara masyarakat seterusnya dapat mewujudkan sebuah negara yang harmoni. Menurut Shafii dan Miskam (2011), kualiti hidup adalah penting untuk mengetahui bahawa penduduk sesebuah negara itu menjalani taraf kehidupan yang selesa. Kesempurnaan dalam kualiti hidup menjadi pemangkin kehidupan yang sejahtera.

Dari sektor pembangunan ekonomi negara, perumahan adalah komponen yang penting sehinggalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyediakan rumah bagi setiap rakyat. Berdasarkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9: 2006-2010) dalam teras yang keempat iaitu meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup,

kerajaan menyatakan akan terus menyediakan keperluan asas seperti air, tenaga,